



SIARAN MEDIA

KETERAMPILAN DAN KEYAKINAN BANTU KEJAYAAN WANITA

IPOH, 26 FEBRUARI: YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini merasmikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa peringkat zon utara di Riverview Hotel & Suites Ipoh.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) buat julung kalinya telah mengadakan sambutan Hari Wanita Antarabangsa di lima (5) lokasi mengikut zon iaitu Borneo, Timur, Selatan, zon Tengah dan berakhir zon Utara. Acara kemuncak sambutan ini akan diadakan pada 8 Mac di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Bagi setiap lokasi, fokus yang dibawa adalah berbeza iaitu Kepimpinan dan Wanita Progresif (Zon Borneo - Sarawak), Keselamatan dan Hak Asasi Wanita (Zon Timur - Terengganu), Kesejahteraan dan Kesihatan Wanita (Zon Selatan - Johor), Pemberdayaan dan Peluang (Zon Tengah – Negeri Sembilan) dan Keterampilan dan Keyakinan Diri (Zon Utara - Perak).

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri berkata pendekatan ini diambil bagi membolehkan lebih ramai wanita dari pelbagai negeri dan komuniti turut serta dalam sambutan ini di samping menyebarluaskan kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap isu-isu berkaitan wanita.

Tema yang dibawa bagi sambutan peringkat Zon Utara adalah “Keterampilan dan Keyakinan” di mana setiap wanita adalah unik dengan personaliti dan identiti yang tersendiri. Pesona wanita merangkumi pelbagai aspek, termasuklah nilai-nilai yang dipegang, minat, bakat, dan pengalaman hidup.

Menerusi ucapannya, Nancy berkata keterampilan dan keyakinan diri adalah dua elemen penting yang perlu dimiliki oleh setiap wanita untuk mencapai aspirasi mereka. Wanita yang terampil dan yakin mampu untuk berdikari, membuat keputusan yang bijak, dan menghadapi cabaran dengan berani. Mereka juga dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan institusi keluarga, masyarakat dan negara.

Antara faktor yang membina keterampilan wanita ialah pendidikan, keluarga, gaya hidup, persamaan gender, faktor seksualiti, kerjaya, dan dasar terhadap wanita. Keyakinan diri pula adalah sesuatu yang dibina hari demi hari melalui pengalaman, kejayaan dan sokongan daripada orang-orang di sekeliling.

Program ini turut mendapat kerjasama daripada Kerajaan Negeri Perak, Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (Wanita Perak), SLAE Cosmetics, Naz Pastry Cake House, Amya Enterprise, Mama Keen Empire, Perniagaan HH 89, Shyamal Crochet Art Crochet, Inai Cubits HQ, Ceqbidan Spa & Bekam Penang, Era Edar Marketing, Serai Wangi dan Syarikat Minyak Afiat.

Turut hadir YB Dato' Salbiah Binti Mohamed, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak, YB Puan Lim Siew Khim, Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam Pulau Pinang, YB Dato' Hajjah Halimaton Shaadiah Binti Saad, Pengurus Jawatankuasa Kebajikan Wanita, Keluarga & Masyarakat dan Perpaduan Kedah, YB Puan Wan Badariah Binti Wan Saad, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Perpaduan, Alam Sekitar Negeri Perlis, YBrs Puan Hanani Sapit, Ketua Pengarah JPW, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi Persekutuan dan Negeri.

#####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
26 FEBRUARI 2025**